

26/06/2003

Keperluan rakyat diutamakan

PERTAMBAHAN 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti diluluskan Dewan Rakyat kelmarin bermakna lebih ramai berpeluang menjadi wakil rakyat. Namun, harus diinsafi bahawa tujuannya bukan untuk meramaikan `Yang Berhormat', sebaliknya meningkatkan tahap perkhidmatan kepada rakyat. Teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa wakil rakyat yang tidak boleh melakukan sesuatu untuk kepentingan masyarakat atau berasa sudah tidak popular lagi harus mengundurkan diri, memberikan mesej jelas bahawa pertambahan kerusi itu tidak bermakna wakil

rakyat yang ada boleh berasa selamat melainkan tahap perkhidmatan yang akan menjadi ukuran.

Sejak kali terakhir persempadanan semula dilakukan pada 1994, bilangan pemilih bagi negeri di Semenanjung dan Sabah meningkat kira-kira 23 peratus. Lantaran itu, pertambahan kerusi adalah perlu kerana bahagian pilihan raya yang sebelum ini amat luas, menyukarkan wakil rakyat untuk melawat dan mendekati rakyat. Tiadanya pertambahan kerusi di Kelantan dan

Terengganu juga sudah dijelaskan sebab-sebabnya. Hakikat itu dengan sendirinya meniadakan sebarang andaian kononnya pertambahan kerusi bertujuan menjamin kemenangan Barisan Nasional (BN) kerana pembangkang juga akan bertanding di atas padang permainan yang sama rata.